

FALSAFAH DAN KEBUDAYAAN

Pendidikan Bangsa Melayu

(oleh: Matlob)

Soal pendidikan adalah suatu soal yang luas dan satu soal yang rumit dalam dunia. Pendidikan biasanya didasarkan ke atas perkembangan ilmu jiwa. Sudah beberapa banyak buah buku ilmu jiwa yang membicarakan soal pendidikan dikarang oleh pendidik-pendidik. Tetapi masih juga kurang lagi dan soal itu masih belum habis. Pendeknya selagi ada manusia selagi itulah ilmu jiwa dan pendidikan hidup dengna subur bertambah dan berubah. Dasar hidup yang tidak lapuk-lapuk.

Memandang kepada kedudukan dasar pendidikan bangsa Melayu, kita akan turut menginsafi beberapa perkara yang tiada kita sedari. Bangsa Melayu telah hidup memenuhi beberapa zaman. Telah hidup berkerajaan dan berdaulat. Di dalam sebuah kerajaan yang seperti itu mustahil benar tidak ada pendidikan-pendidikan yang hidup bersama-samanya.

Jalan fikiran bangsa Melayu sebenarnya sudah lama hidup, hidup dengan mempunyai tenaga mencipta yang ganjil. Tidak dapat diperhatikan dengan segala pandang sahaja. Jika manusia lain dapat mencipta kebudayaan dan keseniaan, maka bangsa Melayu juga ada sama dapat menciptakan kebudayaan dan keseniam. Memang kerana kekuatan tenaga fikiran itulah menyebabkan bangsa Melayu

dapat mengalirkan berbagai-bagai fahaman, bermacam-macam pendidikan dan berjenis-jenis falsafah.

Cerita-Cerita

Bagi menanamkan pendidikan menurut secara ilmu jiwa, ibu bapa bangsa Melayu sentiasa mengumpulkan anak-anak mereka waktu hendak tidur. Menurut ilmu jiwa: kanak-kanak kecil – suka mendengar dongeng-dongeng. Kanak-kanak 7-12 tahun, sukakan cerita-cerita orang gagah dan cerita-cerita peperangan.

Maka ibu bapa bangsa Melayu lebih dahulu telah mempelajari dengan tidak sengaja akan hal itu. Mereka mengetahui kedudukan jiwa anak-anak mereka, yang sudah dibentuk seperti melentur rebung itu. Kanak-kanak yang belum sempurna akal nya itu dididiknya perlahan-perlahan dengan melalui cerita-cerita.

Walau pun cerita-cerita itu berupa dongeng yang terpancar mengikut jalan fikiran bangsa Melayu, tetapi dasarnya ialah untuk membentuk jiwa: menyeru anak-anak mereka mentaati orang yang teraniaya, susah menderita, dan lain-lain lagi.

Umpamanya dalam cerita “*Batu Belah Batu Bertangkup*” dapatlah ibu bapa menggambarkan kiah kemalangan anak-anak yang tidak mentaati perintah ibu mereka. Dengan suara yang

betul-betul mengalunkan rentak jiwa ibu dengan membayangkan
air muka yang sungguh-sungguh:

“Wahai anakku! Sampai benarlah hati engkau membuat
emak begini! Engkau yang berbuat janji dan engkau
juga yang memecahkannya. Sudah sekian lama engkau emak
didik nak! Dari tapak kaki lebar dua jari hingga
engkau sebesar ini. Rupanya sedikit pun engkau tidak
menaruh belas kasihan kepada mak! Sedikit pun engkau
tidak membalas budi mak!

Kalau engkau nak, sudah tidak sayangkan emak
lagi! Biarlah emak pergi! Biarlah emak pergi! Pergi
mendapatkan bapamu....biarlah mak mati...baharulah
engkau sedarkan langit itu tinggi.

Tinggallah engkau adik beradik, makanlah apa yang
engkau suka. Jangan lagi ingatkan emak ini! Tinggallah
engkau nak! Tinggallah sayang. Emak pergi yang tak pulang-pulang!”

Akhirnya berlalulah ibu itu menuju ke mulut gua
“Batu belah batu bertangkap” dengan menyanyikan lagu-lagu
sayu bersahut-sahutan dengan anak-anak ke belakang. Mulut gua
itu sentiasa terbuka dan terkatup yang menantikan
mangsanya. Apatah lagi! Lenyaplah jasad dan roh – tinggallah
anak itu terkatung-katung, kerana bencana telur tembakul
- amanah ibu dipersia-siakan.

Demikianlah cara yang tegas diambil oleh bangsa Melayu
dalam cara mendidik anak-anak mereka. Setelah tamat cerita
itu diperhatikannya air muka anak-anak mereka, anak-anak itu
merasa garis kesedihan terjalin di hatinya – maka
dengan itu mudah sahajalah bapa memasukkan
berbagai-bagai nasihat dan pengajaran untuk hidup.
Demikian pulalah dengan cerita:

Bawang putih, bawang merah,
anak perempuan menjadi balam
hilang emakku!

anak miskin dengan ular besar.

tuan puteri pucak kelompong

puteri bongsu.

Disulam-sulamnya dengan cerita-cerita jenaka sebagai rempah
ratus dongeng yang mengandungi falsafah-falsafah hidup.

Pak Belalang, malang Pak Kaduk, Si Luncai, Nenek
Kebayan, Lebai Malang dan lain-lain.

Ini memang sudah dasar pendidikan bangsa Melayu,
cara yang disetujui oleh alam pendidikan.

Pendidikan melalui ilmu jiwa, iaitu cara
pendidikan yang masih hidup di sekolah-sekolah.

Pantang Larang

Sepanjang hidup kanak-kanak Melayu adalah teratur dengan
cara-cara pendidikan. Jiwanya yang sedang bertumbuh itu
subur dengan sifat-sifat perikemanusiaan. Jika dilihatnya anaknya
itu selalu lalu lintas di hadapan orang-orang tua, maka ditegahnya:

“Jangan lalu lintas depan orang tua – alamat
dicekik hantu!” tujuannya yang sebenar supaya anak mereka
takut, kerana perbuatan itu adalah kurang adab.

Jika anak mereka berkeliaran pada waktu senja, tegahnya
pula, “Jangan berjalan di senja hari. hantu syaitan
sedang berkeliaran!” – maksudnya ialah menegah anak-anak
mereka takut-takut disengat oleh binatang-binatang buas. Kerana ular,
lipan, jengking, kala dan lainnya keluar mencari makan
di waktu senja.

Jangan main pisau, ditampar hantu merah – takut
luka kena pisau. Jangan main hujan panas, dipanah
hantu raya – dilarang sebab takut demam, selesema atau
pening kepala atau lainnya. Jangan berenang di dalam sungai,
ditangkap buaya – tujuannya takut hanyut atau tenggelam.
Jangan tidur di atas tanah, dihempap langit

supaya kain baju tidak kotor dan penyakit mudah berjangkit.

Jangan pergi melihat orang membuat jambatan. alamat hendak bersimah kepala – sebenarnya ibu bapa menasihatkan anak-anaknya supaya jangan duduk-duduk berhampiran dengan orang yang bekerja di situ, kerana mengganggu mereka dan takut merbahaya dihempap oleh barang-barang berat.

Jangan makan kerak nasi, nanti benak (tak ingat menerima pelajaran – tujuannya menegah itu sebab alat-alat pencerna makanan bagi kanak-kanak belum cukup kuat, takut-takut datang merbahaya.

Jangan makan kepala ikan, bodoh – mereka takut anak-anak mereka kelak ketulungan sebab kepala itu tulang belaka.

Jangan banyak makan ikan, nanti cacing – menyuruh berjimat cermat.

Inilah setengah daripada “pantang larang” yang diperbuat oleh ibu bapa bangsa Melayu, berpadanan dan sesuai dengan akal penerimaan kanak-kanak. Tinggal lagi perkataan “hantu” yang selalu digunakan oleh orang-orang tua itu setengah orang zaman ini membencinya, kerana itu adalah menimbulkan kekurangan akal dan kehilangan semangat bagi anak-anak. Sebenarnya perkataan “hantu” itu dicipta untuk keburukan dan “Tuhan” itu dasarnya kebaikan - “hantu” adalah kebalikkan dari “Tuhan”. Tegahan-tegahan yang serupa ini sangat banyak kelihatan di dalam masyarakat bangsa Melayu, bererti “pantang larang” juga berkembang bersama-sama pendidikan bangsa.

Kenduri

Tidak sahaja dari bercerita dan mengadakan pantang

larang ini dasar pendidikan bangsa Melayu, tapi kerap kali kita mendengar bahkan sekarang masih hisap adat berkenduri kendara yang dikatakan orang sekarang sia-sia itu.

Kenduri yang diadakan bagi memulakan sesuatu pekerjaan itu diperbuat untuk pemberansang jiwa. Dengan adanya kenduri di awal langkah pekerjaan: Si pekerja kelak memandang bahawa peristiwa itu sebagai pendorong secara halus, pendorong dari batin – mereka nanti malu jika sudah berkenduri kendara menjemput tetangga sekampung, tetapi hasil yang dicitakan tidak ada.

Demikian pula halnya dengan mengadakan kenduri di akhir pekerjaan, pekerjaan yang berkesudahan dengan sedikit sebanyak hasil dari usaha penat dan lelah mereka. Maka dapatlah mereka menarik satu demi satu jiwa bangsa mereka supaya menurut jejak langkah mereka yang berusaha sepenuh tenaga itu.

Buat anak-anak yang hendak pergi belajar, meninggalkan kampung halaman sahaja. Acapkali ibu bapa bangsa Melayu juga berkenduri. Bukankah ini sebagai penggalak? Dalam menghadapi tugas-tugas pelajaran anak-anak itu akan mengenai bagaimana besarnya harapan ibu bapa mereka bahkan orang sekampung atas kepulungan mereka nanti! Tidak disedari mereka akan menginsafi perkara yang penuh dengan harapan itu kelak mereka bertenaga dan berusaha sedaya upaya menghadapi pelajaran, supaya tidaklah nanti mereka, dikata “Pulang dengan bakul kosong!”

Keramat

Bangsa Melayu adalah suatu bangsa yang berbudi mulia dan mempunyai sifat-sifat perikemanusiaan, kewajipan mereka mengenai pahlawan-pahlawan bangsa dan pelopor-pelopor kemajuan,

keramat adalah menjadi sumber pendidikan juga!

Ketika hari baik bulan baik, ibu bapa membawa anak-anak mereka menuju ke tempat bersemadanya datuk nenek mereka, serta ke tempat-tempat keramat. Dengan jalan ini juga maka terjalinlah kehalusan daya penarik dalam memberikan pendidikan sama ada tentang didikan keagamaan atau didikan kerohanian.

Mengenang yang pergi, menambah semangat ingin berbakti. Meski pun mereka telah berpulangan namun jasa-jasa mereka tetap di hati sebagai kenangan – hancur badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga.

Peribahasa

Semakin meningkat umur anak-anak itu, maka semakin besar, luas dan dalam pula jalan pendidikan yang telah diciptakan oleh ibu bapa bangsa Melayu. Pengajaran-pengajaran itu dilahirkannya dengan kata-kata sedap teratur sempurna dan tepat tujuannya –semakin dihalusi oleh fikiran anak-anak yang meningkat umur itu semakin jauh pandangan hidupnya.

Susunan kata yang telah sempurna diaturnya itu, melekat dari mulut ke mullut lalu ke hati. Maka semenjak sekian lama hidupnya bangsa Melayu semenjak itulah pula suburnya dasar pendidikan seperti itu, sebab bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dan tepat isinya.

Kepada anak-anak, mereka berikan bermacam-macam peribahasa – “Dari buah ke kenalan pohonnya!” tegas ibu bapa itu. Jadi anak-anak sentiasa ingatkan taraf bangsa mereka dari sekecil-kecilnya hingga kebesar-besarnya – bangsa mereka yang penuh dengan kehalusan peribadi. Sekurang-kurangnya orang berbudi. kita berbahasa! Sebab bahasa itu

tidak dijual beli.

Sifat-sifat gemarkan kesenian bangsa sendiri memang hidup, ditanamkan oleh ibu bapa bangsa Melayu di nubari anak-anak bangsa Melayu – tak sungguh tak melata! Maka segala budi pekerti dan budi bahasa Melayu yang teratur inilah tingkatan-tingkatan jalan fikiran bangsa Melayu, tidak berluncur sebelum duduk.

Ikutlah resmi padi

Semakin berisi semakin tunduk

Jangan ikut resmi lalang

semakin tua semakin jegang!

Orang campak bunga tak kan kita balas tahu

bukan sebagai kera diberi bunga.

telanjuran mandi biarlah basah.....

sehari selembat benang, lama-lama jadi kain.

belakang parang diasah lagikan tajam

biarlah kalah sorak jangan kalah taruh

dan lain-lain.

Begitulah banyak dan teraturnya jalan-jalan falsafah hidup bangsa Melayu; suatu bangsa yang mempunyai sifat kehalusan serta lemah lembut: ditegang berjela-jela, dikendur berdeting-deting! Sebab itu sesuatu yang dilahirkan merupakan lemah lembut, sama ada di dalam gerak langkah, sebarang tindakan dan tutur bahasanya.

Segala-gala ini adalah dasar pendidikan yang mengingatkan kita kepada perkembangan kebudayaan bangsa Melayu. Jelaslah dengan huraian yang sesinggah ini kita mendapat kesimpulan, bahawa cara pendidikan bangsa Melayu sudah lama hidup. Pendidikan yang sesuai dengan pertumbuhan jiwa.